

**Pas setuju SPRM siasat mana-mana pemimpin pembangkang**  
**Utusan Online**  
**26 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR 25 Jun - Pas hari ini menetapkan pendirian bahawa parti itu tidak ada masalah untuk memberi ruang kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) untuk menyiasat Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung pemilikan 20 akaun induk bernilai RM3 bilion.

Naib Presidennya, Salahuddin Ayub berkata, pihak berkuasa itu juga tidak akan dihalang untuk menjalankan siasatan terhadap mana-mana pemimpin pembangkang termasuk Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Nik Mat jika terdapat dakwaan terhadapnya.

"Kita tidak mempunyai masalah untuk mana-mana pihak menjalankan siasatan atas apa-apa tuduhan dan itu adalah pendirian Pas, kita setuju bukan saja Anwar, bahkan Tok Guru (Nik Aziz) sekalipun.

"Jalankan siasatan dan itu pendirian kita sebab sebelum ini pun Anwar sudah menjawabnya (isu RM3 bilion) di Dewan Rakyat," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, di sini hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan pemberita berhubung kontroversi membabitkan Ketua Pembangkang itu apabila bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid pernah membuat akuan bersumpah dengan mendakwa Anwar mengawal 20 akaun induk membabitkan aset, saham dan wang yang bernilai lebih RM3 bilion.

Sementara itu, mengulas mengenai kontroversi berhubung tindakannya menyamakan perarakan perayaan Thaipusam dengan demonstrasi jalanan, Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Kubang Kerian itu berkata, dia langsung tidak berniat untuk menghina mana-mana agama.

Justeru, beliau tidak akan memohon maaf berhubung perkara itu kerana ia disalah tafsir oleh pihak ketiga.

"Saya tidak ada niat langsung untuk menghina agama lain, Islam yang saya anuti tidak mengajar saya berbuat demikian. Saya hanya buat perbandingan berhubung kebebasan bersuara dan berhimpun saja," katanya.

Isu Thaipusam tercetus apabila Salahuddin membandingkan perarakan perayaan itu dengan demonstrasi jalanan ketika berdebat dengan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah sehingga mencetuskan perasaan kurang senang sebilangan masyarakat India.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0626&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0626&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm)